

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAカン]

**TARIKH :** 29.10.2015

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian maklum bahawa banyak rumah-rumah guru di negeri Sabah yang berada dalam keadaan daif sekali.; dan
- (b) jika maklum mengapakah ini masih berlaku dan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan semua rumah-rumah guru di Sabah setaraf dengan yang ada di Semenanjung.

**JAWAPAN**

Jawapan (a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap permasalahan yang berkaitan dengan infrastruktur pendidikan sama ada termasuk keperluan rumah guru atau kuarters di kawasan yang memerlukan, sama ada di bandar atau luar bandar sama ada di Semenanjung Malaysia mahupun Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, dalam perancangan pembangunan pendidikan, KPM dengan kerjasama semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), termasuk Sabah, telah mengenal pasti kawasan yang memerlukan kemudahan rumah guru baharu atau gantian bagi yang daif untuk dipertimbangkan dalam permohonan pembangunan pendidikan lima tahun. Di samping itu, perancangan pembinaan sekolah baharu terutamanya di kawasan luar bandar juga mengambil kira kemudahan rumah guru dalam skop projeknya. Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan yang terhad, maka KPM perlu memberi keutamaan kepada projek yang sangat kritikal dan memerlukan tindakan segera.

RJM24